

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]
TARIKH : 12.11.2014
SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini penyiasatan dan tindakan yang di ambil ke atas kes bocor kertas UPSR baru-baru ini. Nyatakan dengan terperinci jumlah insiden-insiden kebocoran kertas peperiksaan sejak tahun 1990 hingga 2014 dan kenapa Kementerian gagal untuk mencegah kebocoran kertas peperiksaan daripada berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak berkuasa sedang menyiasat kes berkenaan dan yakin akan dapat merungkai segala persoalan yang ditimbulkan termasuk bagaimana dan punca berlakunya kebocoran kertas peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum ini, pada tahun 1998 (SPM) dan 2004 (STPM) pihak PDRM telah mengesahkan berlaku kebocoran kertas peperiksaan awam. Kebocoran kes yang berlaku adalah berbeza-beza antara satu kes dengan yang lain. Contohnya

pada tahun 1998, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memutuskan untuk tidak mengadakan semula peperiksaan bagi tiga kertas peperiksaan SPM kerana hasil siasatan PDRM mereka yang terlibat hanya mempunyai masa terhad untuk mengedarkan kertas-kertas soalan tersebut. Pihak PDRM telah mengambil tindakan mengikut OSA terhadap pesalah tersebut manakala KPM telah mengambil tindakan terhadap pelajar yang dikenalpasti berdasarkan Peraturan Pentadbiran Peperiksaan dan Akta 550.

KPM sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun, apa yang ingin ditegaskan adalah faktor kemanusiaan **yang melibatkan integriti individu** yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang dilaksanakan dapat membendung perkara ini dari berulang.